



عيد الفطر

TEKS KHUTBAH AIDILFITRI

1445 H / 2024 M

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “AIDILFITRI: MENYUCIKAN FITRAH – MEMPERKUKUH PERSAUDARAAN”

10 April 2024 / 1 Syawal 1445

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ<sup>1</sup>،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَنَا لِعِبَادَتِهِ. وَجَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ فَرَحًا لِعِبَادِهِ الْمُتَّقِينَ، الَّذِينَ فَازُوا  
بِصِيَامِ رَمَضَانَ وَقِيَامِهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
يَا حَسَنًا إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ وَالْمُسْلِمَاتُ، اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> حَقَّ  
تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Para tetamu rumah Allah yang dilimpahi rahmat Illahi,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan kita menjadi insan beriman lagi bertakwa, selamat di dunia – sejahtera di akhirat. Pada pagi yang penuh barakah ini, khatib akan memperdengarkan khutbah Aidilfitri bertajuk:

### “AIDILFITRI: MENYUCIKAN FITRAH – MEMPERKUKUH PERSAUDARAAN”

Alhamdulillah, dengan limpahan rahmat Illahi, kita direzekikan berhimpun menyambut hari kemenangan – Hari Raya Aidilfitri, melaksanakan solat sunat Aidilfitri secara berjemaah.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa





## Muslimin Muslimat yang dirahmati Illahi

Persaudaraan ialah tunjang kesatuan ummah – inti kepada nilai Islam. Sejarah menunjukkan, permusuhan antara kaum *Aus* dan *Khazraj* di tanah Arab berlarutan selama lebih 100 tahun. Kedatangan Islam telah berjaya membenamkan permusuhan lalu terbina persaudaraan atas dasar akidah kepada Allah SWT. Islam amat mencela perpecahan dan pertelingkahan seperti firman Allah SWT melalui ayat 46 surah al-Anfal:

وَاطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَاصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Bermaksud: Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul Nya serta janganlah kamu berbantah bantah yang menyebabkan kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan dan bersabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan hati yang cekal). Sesungguhnya Allah bersama-sama orang yang sabar.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ،

Aidilfitri membuka ruang terbaik untuk ummah saling memperbaiki hubungan persaudaraan, membina persefahaman sama ada dalam kalangan ahli keluarga, jiran tetangga, rakan sekerja, begitu juga sahabat handai. Perselisihan yang berlaku sesama umat Islam tidak wajar dibiarkan berpanjangan, apatah lagi jika berpunca oleh hal yang remeh temeh yang akan merugikan semua pihak, apabila yang menang menjadi arang – yang tewas menjadi abu, pada akhirnya umat Islam bertambah lemah.

Ada tiga peringkat dalam usaha memperkukuh persaudaraan sesama ummah:

**Pertama:** سَلَامَةُ الصَّدْرِ (berlapang dada), iaitu dengan rela hati menerima kenyataan dalam setiapa keadaan dan meraikan kepelbagaian pandangan.

**Kedua:** الْمُسَاوَاة (rasa kebersamaan) iaitu mengiktiraf manusia dari segi taraf dan kedudukan yang sama sehingga gemar berkongsi rezeki bersama mereka yang lebih susah.

**Ketiga:** الْإِيثَار (melebihkan saudara) iaitu kemuncak nilai persaudaraan, atas dasar persaudaraan Islam, mengutamakan kebaikan untuk saudaranya, berbanding untuk dirinya sendiri.

Rasulullah SAW menyifatkan persaudaraan umat Islam ibarat sebuah bangunan. Sabda Baginda:



## الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا وَشَبَّكَ بَيْنَ أَصَابِعِهِ

Bermaksud: Orang Mukmin terhadap Mukmin yang lain ibarat sebuah bangunan yang saling mengukuhkan antara satu sama lain, dan Baginda menyilangkan jari jemarinya (sebagai isyarat bangunan yang utuh). (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Walau apa jua kecenderungan perjuangan dan pertembungan fikiran, sama ada dalam wadah politik, mahu pun pengurusan organisasi; ummah wajib menguruskannya dengan baik, secara harmoni dalam semangat tidak mengorbankan hubungan silaturahim. Kenali titik persamaan dengan meraikan setiap pandangan. Usah dibiarkan syaitan memperdaya diri kita dengan tiupan racun persengketaan yang tidak berkesudahan, mengakibatkan manusia berkelakuan buruk, lidahnya melakukan sindiran secara melampau, berkata kesat, merendah-rendahkan dan memburuk-burukkan orang yang tidak disukai. Perangai dan tingkah laku sedemikian sangat bercanggah dengan akhlak seorang Muslim.

## اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Aidilfitri adalah natijah daripada madrasah Ramadan yang telah kita tempuhi selama sebulan. Kita layak bergembira jika Ramadan telah berjaya menyemaikan fitrah yang suci dalam diri kita; dicerminkan melalui hati yang semakin tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT, bertambah keimanan – bertambah ketaatan, berupaya mengawal nafsu, serta menjauhi segala perbuatan mungkar; dan pada masa yang sama bertambah melakukan yang makruf, mengutamakan perpaduan, persaudaraan dan silaturahim.

### **Muslimin Rahimakumullah**

Dalam keriangannya menyambut Aidilfitri, khatib memperingatkan perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Sambutlah Aidilfitri dengan kegembiraan melalui amalan ziarah menziarahi, saling bermaaf-maafan bersama kedua-dua ibu bapa, ahli keluarga, sanak saudara dan sahabat handai.

**Kedua:** Hindari sambutan dengan acara dan perkara berunsur maksiat, seperti berpesta dan berhibur secara melalikan dan melalaikan, melakukan pembaziran dengan menghidangkan juadah secara berlebihan, bergaul bebas tanpa batasan, atau berpakaian yang mencolok mata.



**Ketiga:** Suburkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dengan mengadakan rumah terbuka, menerima dan meraikan mereka sebagai tetamu, mempamerkan budi pekerti umat Islam yang mesra, menghormati tetamu serta mengutamakan keamanan dan keharmonian.

**Keempat:** Menghargai pengorbanan para anggota pasukan keselamatan, petugas kesihatan dan pelbagai pihak yang berkorban melaksanakan pelbagai tugas fardu kifayah, mengendalikan perkhidmatan 24 jam, di serata negara untuk membolehkan kita menyambut Aidilfitri dalam suasana aman, tenteram, riang dan gembira.

**Kelima:** Berazam untuk terus meningkatkan ibadah, mengimarahkan masjid, beramal jariah, serta berniat menunaikan puasa sunat enam hari dalam bulan Syawal bagi menyempurnakan ganjaran puasa sepanjang tahun. Sabda Rasulullah SAW riwayat Imam Muslim:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Bermaksud: Sesiapa yang berpuasa Ramadan kemudian diikuti dengan enam hari pada bulan Syawal, seakan dia berpuasa selama setahun.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَثِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ، صَدَقَ  
وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ  
وَالْمُسْلِمَاتُ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ! وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### Jemaah yang dirahmati Allah,

Hayati roh Aidilfitri dengan mencari kejernihan, mengakhirkan segala sengketa dan perselisihan, agar tersemai rasa kasih sayang sesama umat Islam, untuk membina persefahaman, mengeratkan persaudaraan dan mengukuhkan perpaduan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>4</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ .  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ<sup>5</sup> وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ  
قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَتَثِّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal ‘Alamin**, terimalah ibadah yang kami lakukan sepanjang bulan Ramadan. Bimbing kami agar terus istiqamah melakukan ibadah dan amal kebaikan sepanjang tahun sehingga kami menemui Ramadan pada tahun hadapan.

<sup>4</sup> Ayat Al-Quran

<sup>5</sup> Doa untuk kaum muslimin



**Ya Allah Ya Hafiz!** kurniai kami kesihatan dan lindungi kami daripada sebarang bencana dan kemalangan ketika kami menyambut Aidilfitri terutama ketika kami dalam perjalanan, juga lindungi keselamatan hamba-hamba Mu yang sedang bertugas memenuhi fardu kifayah, pada pagi Syawal ini.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, kami memohon agar Engkau limpahi rahmat perlindungan Mu kepada saudara-saudara kami di Palestin. Engkau Yang Maha Kuasa untuk menggagalkan perancangan jahat, perbuatan zalim lagi ganas, rejim Israel. Kembalikan bumi Palestin sebagai bumi yang berdaulat lagi merdeka; lindungi kesucian Masjid al-Aqsa sehingga hari kiamat.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik Ya Hadi!** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ